

**Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)**

Volume 4, Issue 6, October 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocsciences.com**Pengaruh Tahap Akauntabiliti Guru, Peranan Pentadbir dan Efikasi Kendiri Guru Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Abad Ke-21 Sekolah Rendah****Shanti A/P Gobalakrishnan¹, Abdul Said Ambotang¹**¹Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)Correspondence: Shanti A/P Gobalakrishnan (shantikathiravan@gmail.com)**Abstrak**

Malaysia merupakan sebuah negara yang berkembang pesat seiring dengan ledakan globalisasi pada masa kini. Dalam menuju ke arah pendidikan bertaraf dunia, Malaysia perlu membawa suatu perubahan yang akan memberi kesan kepada dunia pendidikan. Dalam era globalisasi yang mencabar, kebanyakan negara semakin memandang berat terhadap bidang pendidikan kerana pendidikan telah memainkan peranan yang penting. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan kajian semula terhadap sistem pendidikan negara dalam konteks standard pendidikan antarabangsa. Hasil daripada kajian tersebut, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah dilancarkan (KPM,2013). Melalui PPPM 2013-2025 salah satu perancangan adalah kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar. Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh tahap akauntabiliti guru, peranan pentadbir dan efikasi kendiri guru terhadap pelaksanaan pengajaran abad ke-21 sekolah rendah di Negeri Sabah. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat serta menganalisis pengaruh yang wujud antara tahap akauntabiliti guru, peranan pentadbir dan efikasi kendiri guru dalam isu ini. Seterusnya kajian ini juga menganalisis efikasi kendiri guru sebagai pengantara dalam hubungan tahap akauntabiliti guru dan peranan pentadbir terhadap pelaksanaan pengajaran abad ke-21. Implikasi daripada kajian ini juga diharapkan agar guru dan pihak pentadbir dapat menjalin kerjasama yang erat terhadap pelaksanaan pengajaran abad ke-21 di sekolah agar mampu menyediakan generasi muda untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

Kata kunci: tahap akauntabiliti guru, peranan pentadbir, efikasi kendiri guru, pelaksanaan pengajaran abad ke-21

The Effect of Teacher Accountability Level, Teacher Role and Self-Efficacy on the Implementation of 21st Century Primary Education**Abstract**

Malaysia is a rapidly growing country in line with today's globalization boom. In moving towards world-class education, Malaysia needs to bring about a change that will affect the education world. In the era of challenging globalization, most countries are increasingly concerned about education because education has played an important role. The Malaysian Education Ministry (KPM) has conducted a review of the national education system in the context of international education standards. As a result of the study, the Malaysia Education Blueprint (PPPM) 2013-2025 has been launched (KPM, 2013). Through PPPM 2013-2025 one of the plans is the 21st century skills among students. Thus, the study aims to identify the influence of teacher accountability, the role of administrators and

the self-efficacy of teachers on the implementation of the 21st-century primary school teaching Sabah state. This study also aims to see and analyze the influence that exists between the level of teacher accountability, the role of administrator and the self-efficacy of teachers in this issue. Furthermore, this study also analyzes the self-efficacy of teachers as intermediaries in the relationship between teachers' accountability and the role of administrators on the implementation of 21st century teaching. The implications of this study are also expected to enable teachers and administrators to work closely with the 21st century teaching in schools to enable young people to face any possibility.

Keywords: teacher accountability level, admin role, teacher's self-esteem, 21st century teaching implementation

Pengenalan

Pendidikan merupakan wadah utama bagi menjayakan pembangunan negara dan menjadi alat penting dalam melahirkan sumber tenaga melalui agenda melahirkan modal insan minda kelas pertama (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2007). Lantaran itu Kementerian Pendidikan telah mengorak langkah proaktif ke arah memartabatkan kualiti pendidikan di Malaysia hingga bertaraf dunia, di samping menjadikannya sebagai pusat kecemerlangan tamadun ilmu (Alimuddin, 2008). Dalam buku *"The World Is Flat: A Brief History of The Twenty-First Century"* telah menyatakan bahawa pendidikan menjadi kunci utama dan memainkan peranan yang penting kepada kejayaan ekonomi dan kelestarian dunia pada abad ke-21 (Thomas, 2006). Era millennium hari ini mempamerkan persaingan yang hebat untuk mencapai kecemerlangan pendidikan di peringkat globalisasi. Malaysia tidak ketinggalan untuk menunjukkan prestasi pendidikan yang terbaik untuk dibawa dalam kedudukan persaingan dunia. Dalam sistem pendidikan terkini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mahu melihat kualiti yang membanggakan dalam pentaksiran antarabangsa selari dengan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi setiap murid. Program Penilaian Murid Antarabangsa (PISA) dijalankan setiap 3 tahun sekali untuk mengukur dan menilai pengetahuan dan kemahiran remaja berumur 15 ke atas, tidak mengira tahap tingkatan dari aspek literasi Matematik, Sains dan bacaan.

Menteri Pendidikan Singapura menyatakan bahawa individu yang lengkap dengan kemahiran abad ke-21 merupakan individu yang mempunyai keyakinan diri, mengamalkan pembelajaran sendiri, menyumbang dengan aktif, dan merupakan warganegara yang prihatin (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Di Finland, kemahiran abad ke-21 berteraskan perkembangan sendiri, identiti budaya, keantarabangsaan, kemahiran media dan komunikasi, warganegara partisipasi, bertanggungjawab terhadap persekitaran, menitikberatkan kesihatan diri dan masa depan yang lestari (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meneliti perkara-perkara yang perlu dilaksanakan dan berusaha untuk menjayakan usaha tersebut. Perkembangan teknologi membawa perubahan dalam pendidikan. Penerimaan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga berubah. Menurut Ramlee dan Abu (2004), matlamat kerajaan menubuhkan Sekolah Pintar kerana untuk melahirkan generasi Y negara yang kreatif, inovatif, dapat mengadaptasi teknologi terkini, mampu mengakses dan mengurus maklumat serta yang terakhir semestinya untuk menjadikan mereka tenaga kerja yang mempunyai daya saing yang produktiviti ekonomi negara. Kemahiran abad ke-21 diperlukan bagi menjadi sebahagian masyarakat dan tenaga kerja abad ke-21. Bagi memenuhi keperluan ini, suatu set kemahiran digelar kemahiran abad ke-21 dibina. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan inisiatif pembelajaran abad ke-21 secara rintis pada tahun 2014 dan meluaskan pelaksanaan ke seluruh negara mulai tahun 2015.

Pelaksanaan pengajaran berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) menjadi penanda aras keberkesanan pendidikan abad ke-21. Dalam usaha mencapai aspirasi yang tinggi dalam persekitaran persaingan global yang semakin sengit, kita tidak boleh lalai. Oleh itu, Malaysia perlu melaksanakan perubahan besar terhadap keseluruhan sistem pendidikan semasa untuk melonjakkan pencapaian semua murid. Sebagaimana yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, pembelajaran abad ke-21 merupakan suatu bentuk transformasi dalam sistem pendidikan negara yang menuntut perubahan, terutamanya dalam bidang

pengajaran dan pembelajaran. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 ini bermatlamat untuk menganjak paradigma kehidupan masyarakat dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau Asia dan juga di peringkat antarabangsa (Madinah Mohamad, 2014). Tidak dinafikan bahawa proses pelaksanaan transformasi pendidikan memerlukan pendekatan dan strategi baharu agar setiap murid mampu memiliki dan menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21. Oleh yang demikian, transformasi pendidikan bukan sekadar menambah bilangan kakitangan dan kemudahan, malah perlu menjurus kepada usaha untuk memahami dan menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013).

Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21 (PA21)

Dewasa ini, pengajaran dan pembelajaran abad ke 21 (PA21) amat hangat diperbincangkan. Kementerian Pendidikan juga telah mengarahkan agar semua sekolah di Malaysia ini melaksanakan pembelajaran abad ke 21 ini untuk memantapkan lagi prestasi sekolah-sekolah agar boleh bersaing secara global. Pengajaran abad ke 21 telah menjadi satu isu yang hangat dalam dunia pendidikan kerana ia dilihat mampu memenuhi keperluan pendidikan pada masa kini, di samping membawa perubahan baru dalam dunia pendidikan. Pengajaran abad ke 21 dikatakan sebagai proses pembelajaran yang berpusatkan kepada murid. Terdapat beberapa elemen yang diterapkan, iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Elemen-elemen ini juga disebut sebagai standard asas dalam PA21. Menurut Bernet Berry (2011) menjelaskan pembelajaran abad 21 sebagai suatu bentuk pembelajaran yang memerlukan pelajar menguasai isi kandungan dan menghasilkan, mensintesis dan menilai maklumat daripada pelbagai mata pelajaran dan sumber yang luas dengan memahami dan menghormati budaya yang berbeza.

Era millennium hari ini mempamerkan persaingan yang hebat untuk mencapai kecemerlangan pendidikan di peringkat globalisasi. Malaysia tidak ketinggalan untuk menunjukkan prestasi pendidikan yang terbaik untuk dibawa dalam kedudukan persaingan dunia. Dalam sistem pendidikan terkini KPM mahu melihat kualiti yang membanggakan dalam pentaksiran antarabangsa selari dengan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi setiap murid. Namun dilihat daripada kedudukan pentaksiran pendidikan antarabangsa berdasarkan perbelanjaan setiap murid, menunjukkan Malaysia berada di bawah garisan sederhana, tegasnya dalam garisan lemah. Data yang diperoleh pada 2010 (Buku PPPM, 2013) menunjukkan prestasi Malaysia berada dalam kedudukan di belakang negara yang menyediakan jumlah peruntukan yang hampir sama atau lebih rendah seperti Thailand, Chile dan Armenia.

Dalam fikiran guru dan pentadbir pula, pengajaran abad ke 21(PA21) ialah peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Tanggapan seperti ini harus diperbetulkan. Bahkan, ada juga segelintir guru yang memahami bahawa PA21 itu ialah *Gallery walk*, *Fan & Pick*, *Round Robin*, dan *Jigsaw Problem Solving*. Kononnya jika guru ingin melaksanakan PA21 di dalam kelas, salah satu aktiviti ini wajib digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Maka, kebanyakan daripada mengeluh untuk memulakan pelaksanaan PA21 dalam situasi sekolah yang kekurangan dana dan peruntukan daripada kerajaan. Oleh kerana itu ada sekolah yang tidak dapat melaksanakan proses pdpc berasaskan pengajaran dan pembelajaran abad ke 21 dengan baik dan berkesan. Maka bagi menghadapi era digital ini, guru dan pentadbir sekolah perlu dipersiapkan dengan kefahaman yang baik dan penguasaan dalam kemahiran abad ke 21. Pada asasnya apa yang difahami oleh kebanyakan guru dan pentadbir tentang PA21 ini hanyalah cadangan kepada struktur pembelajaran dan bukannya merujuk kepada maksudnya yang sebenar. PdPc menerusi kemahiran abad ke-21 sangat membantu guru dan pelajar dalam usaha mencapai aspirasi pendidikan negara.

Justeru itu, kemahiran ini perlu diintegrasikan dalam bilik darjah oleh guru. Tahap akauntabiliti guru, peranan pentadbir dan efikasi sendiri guru menunjukkan hubungan yang kuat dengan hasil pembelajaran abad ke 21 (ITL,2011). Tetapi hanya terdapat sebilangan kecil sahaja guru yang sudah biasa dengan terma kemahiran abad ke 21(Grunwald Associates LLC,2010). Akauntabiliti guru, peranan pentadbir dan efikasi sendiri guru terhadap konsep pengajaran abad ke 21 akan memberi gambaran jelas terhadap tindakan, keputusan dan amalan dalam bilik darjah (Noraini, 2015). Pentadbir dan guru menjadi salah satu faktor menyumbang kepada kelemahan murid dalam menguasai kemahiran

seperti komunikasi, pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah (Carlgren,2013). Kajian-kajian lepas dan baharu telah menunjukkan ketidakcekapan dan kurang bertanggungjawab serta efikasi sendiri guru masa kini dalam memilih pedagogi yang sesuai untuk memanfaatkan murid secara maksimum.

Menurut Zamri (2012), bentuk PdPc pada abad ke-21 masih tetap berpusatkan guru, akan tetapi peranan pentadbir, akauntabiliti seseorang guru serta efikasi sendiri guru memainkan peranan penting untuk melibatkan murid secara aktif dalam aktiviti pembelajaran di sekolah. PdPc menerusi kemahiran abad ke-21 sangat membantu guru dan pelajar dalam usaha mencapai aspirasi pendidikan negara. Oleh itu, penerapan kemahiran abad ke-21 akan dapat membantu pelajar dalam mengharungi kehidupan yang penuh dengan cabaran globalisasi. Oleh itu, penerapan kemahiran abad ke-21 akan dapat membantu pelajar dalam mengharungi kehidupan yang penuh dengan cabaran globalisasi dengan lebih berkeyakinan dalam bidang pendidikan, malah dalam bidang kerjaya. Sikap, motivasi dan pencapaian sedikit sebanyak mampu mendorong pelajar untuk menguasai kemahiran abad ke-21 dengan lebih cepat dan mudah serta memberi kesan dalam jangka masa yang panjang merupakan satu hasil yang semestinya ditunggu oleh negara dalam melahirkan masyarakat yang serba boleh dalam pelbagai bidang dan mampu berdaya saing dengan negara maju. PdPc berasaskan kemahiran abad ke-21 dalam bidang pendidikan telah banyak dilakukan oleh pengkaji (Masyuniza 2015), namun kajian yang menyeluruh berkaitan akauntabiliti, peranan pentadbir dan efikasi sendiri guru dalam pelaksanaan pengajaran abad ke-21 tidak banyak dilakukan.

Permasalahan Kajian

Profesion keguruan pada abad ke-21 terdedah kepada pelbagai cabaran baharu yang berbentuk kebendaan, intelektual, pemikiran, kerohanian, kebudayaan, ideologi baharu dan isu-isu yang berkaitan dengan masalah etika. Para pendidik perlu sedar bahawa dalam usaha negara menghadapi masa depan yang penuh persaingan, pendidikan adalah bersifat futuristik, maka kita hendaklah mampu menyediakan generasi muda untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Pendidik yang profesional dapat menangani pengajaran dan pembelajaran bagi membudayakan anak didik dengan amalan akhlak dan nilai-nilai murni, mereka perlu faham bahawa perkembangan dan kemajuan dunia boleh mempengaruhi gaya hidup dan akhlak masyarakat. Perkembangan dunia dalam aspek ekonomi, sosial, politik dan teknologi seharusnya menjadi indikator asas kepada sistem pendidikan dan persekolahan untuk memenuhi keperluan tenaga manusia yang berteraskan keilmuan berkualiti. Oleh itu para pendidik adalah wahana yang boleh menentukan corak manusia yang mampu menghadapi alaf baharu di abad ke-21. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan enam inisiatif dalam menjayakan TIMSS 2019, dan salah satu daripadanya ialah kemahiran pedagogi abad ke-21. Kemahiran pedagogi abad ke-21 merupakan salah satu ciri guru dalam pendidikan abad ke-21.

Rupa dan bentuk pendidikan yang sesuai dengan generasi abad ke-21 telah banyak diperkatakan dan banyak bahan- bahan penulisan yang mengulas mengenai pendidikan yang mampu memenuhi harapan dan keperluan pendidikan masa kini dan masa depan. Rata-rata pakar pendidikan bersetuju bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu berubah sesuai dengan perkembangan teknologi cyber dan akses kepada internet yang semakin maju. Dalam Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad ke -21 (2017), terdapat kemahiran-kemahiran kritikal yang seharusnya dikuasai dalam PA21 yang dikemukakan oleh Persatuan Pendidik Amerika menyatakan terdapat empat kemahiran spesifik yang paling penting iaitu kemahiran kritikal, komunikasi, kolaborasi, dan kreativiti (4C). Dinyatakan juga, menurut James (2017) kebelakangan ini terdapat pula usaha untuk menambah 2C dalam PA21 iaitu kewarganegaraan (citizenship) dan karektor (character). Semua pihak yang terlibat secara langsung dengan dunia pendidikan perlu menyedari bahawa tiada ruang untuk tidak ikut sama melaksanakan transformasi pendidikan. Malah perubahan dalam pendidikan perlu sentiasa seiring perkembangan zaman atau selangkah ke hadapan.

Perkara yang menarik perhatian adalah respons daripada kalangan warga pendidik terhadap pelaksanaan PA21. Ada yang begitu teruja dengan kemudahan terkini yang diberikan. Ada juga yang meminta Kementerian Pendidikan melihat realiti yang berlaku di sekolah serata negara yang menghadapi masalah capaian. Tidak kurang juga yang menyentuh tentang cabaran melaksanakan PA21

sedangkan keadaan infrastruktur di sekolah masih lagi dalam keadaan yang menyedihkan, terutama sekolah di kawasan pedalaman. Tidak dapat dinafikan bahawa teknologi merupakan komponen yang penting dalam PA21, dalam usaha untuk membuka minda dan perspektif pelajar kepada dunia luar yang sungguh mencabar. Dalam pada masa yang sama kita perlu akur bahawa hakikatnya masih ada sekolah yang memerlukan baik pulih infrastruktur sebelum teknologi terkini dapat dibawa masuk dan digunakan dalam proses Pdpc dengan berkesan. Satu lagi isu dengan teknologi yang sering dihadapi ialah sekolah membelanjakan wang yang banyak untuk membeli alatan dan bahan teknologi tanpa mengetahui apakah tujuan dan bagaimana menggunakannya. Akhirnya, teknologi seperti papan putih interaktif (*Smartboard*) berakhir menjadi set televisyen atau hanya digunakan sebagai papan putih biasa dalam bilik darjah.

Dalam hal ini, penggunaan papan putih interaktif membawa kepada pembelajaran berpusatkan guru dan sememangnya tidak selaras dengan pembelajaran berpusatkan murid yang ditekankan dalam PA21. Dalam memastikan PA21 dijadikan amalan oleh guru, setiap warga pendidikan tidak kira yang berada di sekolah mahupun pejabat perlu terlebih dahulu memahami konsep asas teknologi dalam pendidikan atau yang kita sering dengar sebagai Teknologi Pendidikan. Menurut Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) teknologi pendidikan dapat mendefinisikan sebagai proses pengajaran atau penggunaan alatan yang dapat membantu guru ke arah pencapaian pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. PA21 turut berkehendakkan murid mempelajari teknik-teknik mencari maklumat secara berkesan dan kritis dengan bantuan teknologi. Murid perlu mampu menggunakan pelbagai alatan digital untuk mengakses pelbagai sumber, meneroka, memahami, dan menyampaikan pandangan mereka.

Dalam aspek ini, guru perlu menjadi contoh teladan yang baik dengan menunjukkan cara-cara teknologi dapat digunakan bagi meningkatkan kualiti PdPc dalam bilik darjah masing-masing. Dalam PA21, guru dan pentadbir sekolah memainkan peranan yang penting dalam mengintegrasikan teknologi dalam PdPc di sekolah. Anjakan paradigma dalam kaedah PdPc diketuai oleh pentadbir sekolah yang berkemahiran dalam kepimpinan teknologi. Ini memandangkan bahawa kajian telah menunjukkan bahawa kecekapan kepimpinan teknologi seorang pemimpin sekolah merupakan faktor kritikal dalam mempengaruhi keberkesanan penggunaan dan pengintegrasian teknologi di kalangan guru dan murid (Anderson dan Dexter, 2005). Bagi memastikan integrasi teknologi berlaku dalam bilik darjah, pentadbir sekolah perlu menjadi contoh teladan dalam penggunaan teknologi.

Kajian Fisher (2003) turut menunjukkan bahawa kepimpinan teknologi yang mantap oleh pentadbir sekolah memberi kesan positif kepada keyakinan guru untuk mengintegrasikan teknologi dalam bilik darjah. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pentadbir perlu memahami kaedah dan strategi integrasi teknologi. Pentadbir yang celik dan mahir dalam strategi integrasi teknologi dapat menilai kaedah pengajaran baharu serta membimbing guru menggunakan amalan pengajaran terbaik dan teknologi yang relevan dengan objektif pengajaran. Menurut Klopfer dan Yoon (2005) pula, adalah penting untuk para guru dan pentadbir memahami kegunaan dan mempunyai keupayaan untuk mengintegrasikan inovasi teknologi baharu dengan kurikulum yang sedia ada.

Mereka turut menyarankan bahawa program pembangunan profesional sekolah tidak hanya fokus kepada penggunaan peralatan tetapi kaedah dan strategi mengintegrasikan teknologi secara berkesan untuk menyokong pembelajaran murid. Dalam kata lain, program latihan guru haruslah lebih menyeluruh daripada hanya belajar menggunakan perisian PowerPoint. Kualiti guru dan kualiti pengajaran adalah dua aspek penting dalam akauntabiliti guru (Leslie Kaplan & William Owings, 2001). Manakala efikasi sendiri guru iaitu adakah seorang guru mempunyai keyakinan diri dan kesungguhan yang tinggi dari aspek penglibatan murid, strategik pengajaran dan pengurusan bilik darjah terhadap pelaksanaan pengajaran abad ke 21. Susun atur meja dalam bilik darjah yang relevan dengan keperluan abad 21 adalah selari dengan peranan guru sebagai fasilitator untuk menjalankan pembelajaran kolaboratif di bilik darjah bagi meningkatkan kemahiran berfikir. (Noraini, 2015).

Seorang pentadbir sekolah mesti mampu mentransformasikan perkhidmatan dengan memberikan sokongan kepada guru dalam pelaksanaan abad ke 21. Pada dasarnya memang pihak sekolah telah melaksanakan konsep PA21, namun belum sampai ke tahap yang membanggakan. Justeru itu, kajian

terperinci serta khusus amat diperlukan tentang tahap akauntabiliti guru, peranan pentadbir serta efikasi sendiri guru dalam pelaksanaan pengajaran abad ke 21.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengenal pasti perbezaan, hubungan dan pengaruh antara tahap akauntabiliti guru, peranan pentadbir dan efikasi sendiri guru terhadap pelaksanaan pengajaran abad ke 21 di sekolah. Secara khusus, objektif kajian adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap akauntabiliti guru, peranan pentadbir dan efikasi sendiri guru dan pelaksanaan Pengajaran abad ke -21 di Sabah.
2. Mengenal pasti perbezaan tahap akauntabiliti guru, peranan pentadbir dan efikasi sendiri guru dan pelaksanaan pengajaran abad ke-21 berdasarkan ciri demografi.
3. Mengenal pasti hubungan antara tahap akauntabiliti guru dengan pelaksanaan pengajaran abad ke- 21.
4. Mengenal pasti hubungan antara peranan pentadbir dengan pelaksanaan pengajaran abad ke- 21.
5. Mengenal pasti hubungan antara efikasi sendiri guru dengan pelaksanaan pengajaran abad ke -21.
6. Mengenal pasti pengaruh faktor peramal tahap akauntabiliti guru, peranan pentadbir dan efikasi sendiri guru terhadap pelaksanaan pengajaran abad ke -21.
7. Mencadangkan kesesuaian model struktur hubungan variable bebas tahap akauntabiliti guru, peranan pentadbir dan efikasi sendiri guru terhadap variable bersandar pelaksanaan pengajaran abad ke 21?

Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan bukti empirikal berkaitan dengan tahap akauntabiliti, peranan pentadbir dan efikasi sendiri guru dalam pelaksanaan pengajaran abad ke-21. Selain itu juga, ia bertujuan memberi maklum balas kepada pihak pentadbir sekolah berkaitan pengaruh utama yang mempengaruhi pelaksanaan pengajaran abad ke-21 di sekolah. Melalui hasil dapatan kajian ini juga dapat menjelaskan dan mendedahkan kepentingan pihak guru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21.

Kajian ini diharap dapat memberikan maklumat yang berguna kepada guru besar, pengetua, pentadbir sekolah, pemimpin pendidikan serta bakal pemimpin pendidikan dalam meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkenaan amalan kepimpinan instruksional dalam meningkatkan prestasi kerja guru dan seterusnya pencapaian akademik pelajar di sesebuah sekolah. Ia juga diharap dapat memberikan dorongan buat barisan pemimpin sekolah dalam meningkatkan prestasi tugas mereka.

Hasil kajian ini juga boleh dijadikan sumber bahan tambahan ilmu kepada sumber pengurusan murid di sekolah untuk pihak sekolah melaksanakan aktiviti-aktiviti yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Seterusnya di pihak pengurusan Pejabat Pendidikan Daerah serta Jabatan Pendidikan Negeri dapat merangka program-program atau aktiviti-aktiviti bagi menjayakan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 demi peningkatan kecemerlangan prestasi pelajar.

Batasan Kajian

Skop kajian ini adalah tertumpu kepada pengaruh tahap akauntabiliti guru, peranan pentadbir sekolah dan efikasi sendiri guru dari aspek strategik pengajaran dan penglibatan murid dalam amalan pelaksanaan pengajaran abad ke 21 (PA21) di peringkat sekolah rendah. Subjek kajian ini ialah guru sekolah rendah di negeri Sabah sahaja. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak dapat mewakili pendapat keseluruhan negara kerana tempat dan persekitaran yang berbeza.

Sorotan Literatur

Secara empirikalnya, tinjauan literatur yang menunjukkan kepentingan pelaksanaan pengajaran abad ke-21 di sekolah rendah adalah dipengaruhi oleh tahap akauntabiliti, peranan pentadbir dan efikasi sendiri guru. *21st century learning requires students to master the content while producing synthesizing and evaluating information from a wide variety of subjects and sources with an understanding of and respect for diverse cultures. They are expected to create, communicate, collaborate and demonstrate digital literacy as well as civic responsibility. (Barnet Berry, Founder & CEO, Center For Teaching Quality 2011).* Sudah lebih sedekad sejak kita melangkah masuk dalam abad ke-21 dan dalam tempoh masa ini, mahu tidak mahu, pelbagai definisi dan pendekatan pembelajaran telah pun diperkenalkan dan digunakan untuk membezakan pendidikan abad ke-20 dengan yang baharu. Pada tahun 2007 kedudukan Malaysia dalam ujian TIMSS, Sains telah menurun ke tempat ke 21 daripada 48 negara. Pencapaian TIMSS telah menunjukkan bahawa pelajar di Malaysia baik dalam pengetahuan dan aplikasi, manakala menaakul atau kemahiran berfikir aras tinggi adalah lemah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Namun dilihat daripada kedudukan pentaksiran pendidikan antarabangsa berdasarkan perbelanjaan setiap murid, menunjukkan Malaysia berada di bawah garisan sederhana, tegasnya dalam garisan lemah. Data yang diperoleh pada 2010 (Buku PPPM, 2013) menunjukkan prestasi Malaysia berada pada kedudukan di belakang negara yang menyediakan jumlah peruntukan yang hampir sama atau lebih rendah seperti Thailand, Chile dan Armenia.

Dalam era yang kompetitif ini, karisma peribadi sahaja belum cukup untuk mencapai kejayaan berganda. Guru dan pentadbir sekolah harus melakukan sesuatu perubahan dalam pedagogi dan strategi pengajaran dan pembelajaran supaya sejajar dengan pembelajaran abad ke-21 dan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh itu, pedagogi abad ke-21 dibentuk dan diperkenalkan iaitu penyelesaian masalah, kemahiran berfikir aras tinggi, kolaboratif, teknologi, refleksi, pembinaan kemahiran teknologi, maklumat dan media, “Projek based learning” dan pentaksiran (Shiva Kumar & T. Mani Chander, 2014; Maridah et al, 2015).Maka sudah tiba masanya pihak-pihak yang ada kaitan dengan institusi pendidikan menyediakan eko-sistem pembelajaran yang betul yang dapat menggalakkan pemikiran kreatif dalam kalangan guru dan murid untuk mencapai lonjakan saujana seperti mana yang disebutkan dalam Buku Panduan Transformasi Daerah (Mazlan Mohamad, 2013).Menurut NCREL “enGauge 21st century skills (2002), kemahiran abad ke-21 mampu menyediakan generasi muda untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang bakal dihadapi dalam masyarakat industri, ekonomi global, banjir teknologi tinggi dan canggih yang sentiasa berubah serta penggunaan komputer sebagai keperluan urusan harian dan limpahan maklumat sejagat. Tuntasnya, pembangunan abad ke-21 dalam kalangan pelajar memerlukan perubahan pendidikan.

Mengikut definisi Witt dan Orvis (2010), pendidikan abad ke-21 perlu dapat menghasilkan warga negara global yang mempunyai kemahiran, pengetahuan, dan motivasi untuk menangani isu-isu kemanusiaan dan persekitaran yang mampan serta mampu saling hormat-menghormati dan terbuka kepada dialog. Walaupun demikian, Witt dan Orvis (2010) mengatakan bahawa sekolah-sekolah kita masih terus mendidik para pelajar dengan cara lama iaitu dengan menggunakan strategi pengajaran yang pelajar tidak faham. Pemerhatian yang dibuat oleh Witt dan Orvis amat tepat kerana sekiranya kita melihat senario anak-anak muda termasuk orang dewasa menggunakan alatan teknologi di sekeliling kita dan dibandingkan dengan corak pengajaran tradisional yang amat kurang menggunakan kemudahan teknologi yang masih diamalkan di kebanyakan sekolah-sekolah.Menurut Hairiah (2012), amalan pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan oleh sebahagian guru pada masa kini adalah amalan yang tradisi dan masih berpusatkan guru. Beliau menyatakan bahawa guru biologi masih memberi penerangan dalam bentuk kuliah berdasarkan isi kandungan, manakala murid tidak diberi peluang untuk aktif, meneroka dan menjawab soalan semasa pengajaran dan pembelajaran.


Selain itu, Muliana Tanah (2012) telah menjalankan satu kajian menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran bagi guru Bahasa Melayu di sekolah rendah Zon Bandar Lahad Datu adalah lebih cenderung kepada menggunakan pengajaran berpusatkan guru. Jurnal “*Strategizing Teaching and Learning in The 21st Century*” menunjukkan bahawa pensyarah telah mengalami kesusahan untuk melaksanakan komponen yang kritikal dalam pengajaran dan pembelajaran, sukar melaksanakan

mempelbagaikan strategi pengajaran dan aktiviti yang berpusatkan murid (Faridah Karim, 2000). Kajian yang dijalankan oleh Yusop Hashim (2001) juga menunjukkan ramai guru masih suka menggunakan amalan tradisi yang berpaksikan chalk and talk. Kajian-kajian di atas telah menunjukkan sekolah rendah, sekolah menengah dan Universiti masih menggunakan pedagogi yang kurang sesuai dan mengamalkan pengajaran dan pembelajaran yang tradisi dan berpusatkan guru. Beberapa kajian kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) mendapati bahawa amalan pengajaran KBAT masih berada pada tahap rendah (Agensi Inovasi Malaysia, 2011) dan sederhana (Sukiman et al., 2012; Mohd Syaubari et al., 2016; Norasmahani, 2015). Manakala guru merancang KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran, membina item KBAT dan cara penilaian KBAT adalah berada pada tahap yang tinggi (Norasmahani, 2015). Menurut Kestral Education (2011) dalam kajian Rohaida dan Zamri (2015) menyatakan bahawa guru harus sedar bahawa kemahiran berfikir aras tinggi sangat penting tetapi guru belum bersedia dan kurang kemahiran tentang cara menyepadukan kemahiran berfikir semasa merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya, menurut Hamidah *et.al.*(2003), pelajar yang memperoleh pencapaian akademik dan konsep sendiri yang tinggi seterusnya akan cemerlang dan bermotivasi untuk berjaya sangat dibantu oleh akauntabiliti serta efikasi sendiri guru di sekolah. Pendapat ini juga adalah selaras dengan kenyataan Mohd Salleh (2004) yang menjelaskan bahawa pihak sekolah mempunyai perkaitan yang rapat dalam membantu mencapai matlamat sekolah terutamanya peningkatan prestasi murid dalam pelajaran. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2015), seseorang guru abad ke-21 perlu memiliki ciri-ciri berikut iaitu menguasai subjek seperti kandungan kurikulum, mahir dan berketerampilan dalam pedagogi, perlu memahami perkembangan murid dan menyayangi mereka, memahami psikologi pembelajaran, memiliki kemahiran kaunseling dan menggunakan teknologi terkini. Justeru itu, tahap akauntabiliti, peranan pentadbir serta efikasi sendiri guru sekolah harus dijadikan sebagai garis panduan untuk sekolah di negara ini untuk menggerakkan sekolah ke arah membangunkan pendidikan abad ke-21. Oleh yang demikian, tanggungjawab bersama dan kerjasama antara pentadbir sekolah dengan seluruh warga sekolah perlu diutamakan untuk merealisasikan aspirasi bagi mencapai keempat-empat komponen yang ternyata dalam kerangka PA21.

Kerangka Konsep Kajian

Berikut dijelaskan pula kerangka konseptual kajian yang menggambarkan bagaimana bentuk kajian yang dilaksanakan. Kerangka konseptual kajian yang dibentuk adalah gabungan daripada empat variabel iaitu tahap akauntabiliti guru, peranan pentadbir, efikasi sendiri guru dan pelaksanaan pengajaran abad ke 21.



Rajah 1 : Kerangka Konseptual Kajian

Reka Bentuk Kajian

Berdasarkan penerangan di atas, kajian ini adalah berbentuk kajian kuantitatif bukan eksperimen iaitu reka bentuk tinjauan yang dijalankan dengan menggunakan kaedah deskriptif. Penyelidikan kuantitatif merujuk kepada kajian yang dapatannya dihasilkan dengan menggunakan analisis statistik (Zechmeister *et al.*, 1997) dan diringkaskan dalam bentuk angka (Baker, 1999).

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada guru sekolah rendah di negeri Sabah. Sampel kajian terdiri daripada 350 orang guru yang dipilih melalui teknik pensampelan rawak mudah.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini merupakan satu set soal selidik yang dibina oleh penyelidik berdasarkan sorotan literature. Soal selidik ini diedarkan kepada sampel daripada populasi guru sekolah rendah di Negeri Sabah. Edaran dilakukan secara manual dan maya. Dalam borang soal selidik ini terdapat lima bahagian penting iaitu bahagian A, B, C, D dan E. Bahagian A merangkumi butiran dan maklumat yang berkaitan dengan demografi responden. Manakala soalan kaji selidik pemboleh ubah tidak bersandar iaitu tahap akauntabiliti guru akan diukur di bahagian B. bahagian C pemboleh ubah tidak bersandar akan mengukur peranan pentadbir dan Bahagian D mengukur efikasi sendiri guru. Bahagian E pula mengukur pelaksanaan pengajaran abad ke -21.

Penganalisan Data

Dapatan dilaporkan dalam bentuk statistik deskriptif iaitu min digunakan untuk menganalisis pemboleh ubah-pemboleh ubah seperti tahap akauntabiliti guru, peranan pentadbir sekolah, efikasi sendiri guru dan pelaksanaan pengajaran abad ke-21 berdasarkan Skala Likert Lima Mata. Penentuan tahap tinggi, sederhana dan rendah adalah seperti dalam jadual 1. Sementara itu statistik inferens seperti Ujian-t dan ANOVA satu hala digunakan untuk mengenal pasti perbezaan dan Korelasi Pearson-r digunakan untuk mengenal pasti perkaitan.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Julat Nilai min	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber : Mohd. Majid (2004: 145)

Ujian regresi akan dilakukan dengan andaian akan berlakunya nilai kebergantungan antara tiga pemboleh ubah dalam kajian ini yang terlibat dalam satu andaian. Ketetapan andaian adalah bersandarkan kepada kekuatan pertalian antara tiga pemboleh ubah seperti yang dinyatakan dalam kajian ini. Regresi adalah satu proses memasukkan alat peramal ke dalam persamaan regresi untuk menjelaskan pemboleh ubah.

Kesimpulan

Apa yang jelas dalam kajian ini, penyelidik ingin mengkaji hubungan antara variabel tahap akauntabiliti guru, peranan pentadbir dan efikasi sendiri guru terhadap pelaksanaan pengajaran abad ke-21 negeri Sabah. Setelah mengenal pasti dimensi tahap akauntabiliti guru, peranan pentadbir dan efikasi sendiri guru,,langkah seterusnya ialah mengaitkannya dengan variabel tersebut dengan

pelaksanaan pengajaran abad ke-21 untuk mengetahui aspek manakah yang memberikan pengaruh kepada pelaksanaan pengajaran abad ke -21. Kesimpulannya, kebergantungan hubungan dan pengaruh tahap akauntabiliti guru, peranan pentadbir dan efikasi sendiri guru terhadap pelaksanaan pengajaran abad ke -21 perlu dikaji dan diteliti. Dalam menerangkan isu-isu ini, empat variabel terpenting yang harus dikaji iaitu tahap akauntabiliti guru, peranan pentadbir efikasi sendiri guru dan pelaksanaan pengajaran abad ke-21 di negeri Sabah.

Rujukan

- Ahmad Zabidi Abdul Razak. (2006). Ciri iklim sekolah berkesan: Implikasinya terhadap motivasi pembelajaran. *Jurnal Pendidikan*, 31, 3 – 19.
- Ahmet, C. S., & Mustafa Toprak. (2014). Mediation effect of schools' psychological climate on the relationship between principals' leadership style and organizational commitment. *Journal of Anthropologist*, 17(1): 173-182.
- Alexson, A. T. (2008). Leadership and school success: The behaviours and practices of a principal in an effective urban high school. (Dissertation of Educational Doctorate). University of Liberty.
- Alimuddin Mohd Dom. (2008). Persidangan Kebangsaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, Ucaptama Seminar PIPP. Kementerian Malaysia: Institut Perguruan Temenggung Ibrahim.
- Alimuddin Mohd Dom. (2009). Budaya sekolah pengaruhi keberkesanan pengajaran Pendidik, 58, 28 Mac. Dapatan kembali daripada <http://pendidik.com.my>.
- Andi Audryanah Md Noor. (2007). Kepemimpinan pengajaran dan efikasi sendiri pengetua sekolah menengah dan hubungannya dengan pencapaian akademik sekolah. (Tesis Sarjana Pendidikan). Universiti Teknologi Malaysia.
- Barnett, A. M. (2005) The impact of transformational leadership style of the school principal on school learning environments and selected teacher outcomes. (Doctoral Dissertation).
- Berry, J. R. (2008). The relationships among leadership practices, organizational climate, and organizational commitment within Church Ministry settings. (Doctoral Dissertation). Regent University. UMI Number: 3325529.
- Blunch, N. J. (2008). Introduction to structural equation modeling using SPSS and AMOS. Sage Publications Ltd.
- Brewster, C., & Railsback, J. (2003). Building trusting relationship for schimprovement: implications for principals and teachers. Northwest Regional Educational Laboratory.
- Chan, T. C., Webb, L., & Bowen, C. (2003). Are assistant principals prepared for principalship? How do assistant principals perceive? Paper presented at Annual Meeting of the Sino-American Education Consortium, October 10-11.
- Clement, M., & Vandenberghe, R. (2001). How school leaders can promote teachers' learning. An account from the field. *School Leadership and Management*, 21(1), 43-57.
- Fuziah Mat Yakop & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2011). A study of relationship between leadership practices and learning organization practices in Cluster Secondary Schools. *Jurnal Pendidikan dan Latihan MARA*. 3(1), 41-56.
- Haris M. Noor & Bari'ah Dzulkifli. (2013). Assessing leadership practices, organizational climate and its effect towards innovative work behaviour in R&D. *International Journal of Social Science and Humanity*, 3 (2), 129-133.
- Harkness, J. A. (2003). Questionnaire translation. Dalam Harkness, J.A., Vijver, F & Mohler, P. P., *Cross-cultural survey methods* (pp. 35—56).
- Imam Ghozali. (2007). Model persamaan struktur: Konsep dan aplikasi dengan program AMOS 16.0. Badan Penerbit Universitas Diponegoro.
- Ishak Sin. (2001). Pengaruh kepemimpinan pengajaran, kepemimpinan transformasi dan gantian kepada kepemimpinan ke atas komitmen terhadap organisasi, efikasi dan kepuasan kerja guru. (Tesis Doktor Falsafah). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maurice, W. (2009). Programme for International Student Assessment- PISA Plus. Australian Council For Educational Research.
- Mehra, A., Smith, B. R., Dixon, A. L., & Robertson, B. (2006). Distributed leadership in teams: The network of leadership perceptions and team performance. *Leadership Quarterly*, 17(3), 232-245.

- Najeemah M. Yusof. (2012), School climate and teachers' commitment: A case study of Malaysia. *International Journal of Economics Business And Management Studies*, 1 (2), 65-75.
- Naser Jamil Alzaidiyeen, Abdul Ghani Kanesan Abdullah & Anandhan Kuppan. (2011). Quality commitment in Malaysia: Mediating role of collective efficacy and moderating role of self-efficacy. *Journal of International Research*. 4(16), 191-200.
- Norazlinda Saad & Surendran Sankaran. (2013). Pengaruh sikap guru terhadap komitmen guru di sekolah: Galakan pengetua sebagai perantara. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 10, 271-294.
- Nor Foniza Maidin & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2012). Pengetua pemacu organisasi pembelajaran. *Kertas Kerja Seminar Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Kali ke-19*. Institut Aminuddin Baki, Kuala Lumpur, 5-7 Julai.
- Omar Abdul Kareem, Khuan W. B., Marinah Awang & Jamal Nordin Yunus. (2011). Leadership challenges among cluster school leaders in Malaysia. *Management Research Journal*. 1(1), 89-100.
- Quah, C. S. & Wan Azmiza Wan Mohamed (2013). Kajian keberkesanan program PGCE dalam membantu pemimpin sekolah cluster kecemerlangan memimpin dan mengurus institusi pendidikan di Malaysia. Institut Aminuddin Baki, Kuala Lumpur.
- Rosnah Omar. (2008). Hubungan antara sumber kuasa kepemimpinan pengetua dengan komitmen guru. (Tesis Sarjana Pengurusan Pendidikan). Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Rutledge, R. D. II. (2010). The effects of transformational leadership on academic optimism within elementary schools. (Doctoral Dissertation). University of Alabama.
- Sabariah Sharif, Juninah @ Junainah Dullah, Khaziyati Osman & Salina Sulaiman. (2010). Headmaster's leadership style and teachers' commitment in Malaysian rural primary schools. *International Journal of Learning*, 16 (12), 229-244.
- Saeidipour, B. (2013). A study on the effect of organizational climate on organizational commitment: A case study of educational system *Management Science Letters* 3(1), 181-194.